



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: pro@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (137)

Tarikh : 22 Mei 2016

**MESYUARAT JAWATANKUASA PERUNDINGAN PIHAK BERKUASA
TEMPATAN (JPPBT) 2016
PERTANDINGAN PAPAN IKLAN LUAR TAHUN 2015**

Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) menganjurkan Pertandingan Papan Iklan Luar Tahun 2015 bersempena Bulan Bahasa Kebangsaan 2015 Peringkat Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diadakan secara tahunan. Pertandingan ini mempunyai dua (2) kategori seperti berikut:

- 1) Pertandingan Papan Iklan Luar Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan
- 2) Pertandingan Papan Iklan Luar Pengusaha Papan Iklan Luar Swasta.

Pertandingan ini dibuka kepada semua PBT dan pengusaha papan iklan luar swasta di Malaysia. Penyertaan bagi pertandingan ini bermula pada 28 September 2015 dan ditutup pada 30 Oktober 2015. Sebanyak 56 penyertaan diterima bagi kategori PBT dan 31 penyertaan pula diterima bagi kategori pengusaha papan iklan luar swasta.

Panel penilai bagi pertandingan ini adalah seramai tiga (3) orang yang dijemput daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD). Berikut merupakan pemenang-pemenang serta hadiah yang diterima mengikut kategori masing-masing:

- 1) Pertandingan Papan Iklan Luar Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Kedudukan	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Hadiah
Tempat Pertama	Majlis Daerah Kampar, Perak	<ul style="list-style-type: none"> • RM3,000 • Piala • Sijil Penghargaan
Tempat Kedua	Majlis Perbandaran Taiping, Perak	<ul style="list-style-type: none"> • RM2,000 • Sijil Penghargaan
Tempat Ketiga	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Melaka	<ul style="list-style-type: none"> • RM1,000 • Sijil Penghargaan

2) Pertandingan Papan Iklan Luar Pengusaha Swasta

Kedudukan	Nama Pemenang	Hadiah
Tempat Pertama	Kubang Media Sdn. Bhd. Petaling Jaya, Selangor	<ul style="list-style-type: none"> • RM3,000 • Piala • Sijil Penghargaan
Tempat Kedua	The Right Channel Sdn. Bhd. Bangsar, Kuala Lumpur	<ul style="list-style-type: none"> • RM2,000 • Sijil Penghargaan
Tempat Ketiga	Encik Lee Chin Tat Alor Setar, Kedah	<ul style="list-style-type: none"> • RM1,000 • Sijil Penghargaan

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my